

EMPANGAN Bukit Kwong di Lubuk Stol dekat Rantau Panjang kini dihentikan operasi.

Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Empangan Bukit Kwong, Kelantan sudah dihentikan operasi manakala lima empangan utama di tiga negeri terus merekodkan bacaan paras air membimbangkan apabila sebahagiannya hanya mampu menampung bekalan air bagi permintaan domestik untuk tempoh 30 hari.

Empangan itu ialah Timah Tasoh di Perlis, Bukit Merah (Perak) dan Padang Saga, Muda serta Beris (Kedah).

Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Siti Azura Mat Daud berkata, Empangan Bukit Kwong kini memiliki stok air hanya 7.81 peratus.

Katanya, empangan itu dihentikan operasi daripada menyalurkan air pada 15 April lalu selepas tidak dapat menampung permintaan untuk tempoh lebih lama.

"Kelima-lima empangan itu memiliki baki takungan kurang 50 peratus.

"Selain itu, kita dapati empangan Labong di Johor pula mampu bertahan untuk empat bulan," katanya.

Siti Azura berkata, Syarikat Air Perlis sudah menjalankan catuan air bagi Parlimen Padang Besar dan Kangar pada 16 April lalu.

"Catuan ini mengurangkan 15 peratus pelepasan air dari Empangan Timah Tasoh.

"Bagaimanapun, Perlis masih menerima air dari Empangan Muda, Empangan Ahning dan Empangan Pedu," katanya.

Menurut Siti Azura, empangan akan terus

mengalami kemerosotan air sehingga Jun depan sekiranya hujan tidak turun di kawasan empangan.

"Bagaimanapun, operasi bekalan air masih diteruskan seperti biasa.

"Didapati semua empangan masih menerima hujan, tetapi kadar hujan yang diterima adalah sedikit dan tidak mencukupi untuk meningkatkan aras air di empangan.

"Bagi mengatasi kekurangan itu, operasi pembenihan awan sedang giat dijalankan, malah orang ramai dinasihatkan supaya merancang penggunaan air supaya tidak berlaku pembaziran," katanya.

Menurutnya, operasi pembenihan awan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia sudah bermula pada 12 April lalu membabitkan empangan di Perak, Perlis, Pulau Pinang dan Kedah.

Berdasarkan rekod kedudukan baki paras air di empangan utama di seluruh negara dikeluarkan JPS, kelmarin, Empangan Timah Tasoh merekodkan baki simpanan 27.84 peratus iaitu di bawah 50 peratus.

Empangan lain merekodkan bacaan di bawah 50 peratus ialah Beris (38.42 peratus), Labong (10.35 peratus), Bukit Merah (12.31 peratus), Padang Saga (37.49 peratus) dan Muda (40.12 peratus).

Bacaan paras air di empangan utama di Lembah Klang masih mencatatkan bacaan sempurna iaitu 60 peratus ke atas semua empangan kecuali Semenyih (58.93 peratus).

Ia termasuk di Empangan Tasik Subang (100 peratus), Klang Gates (70.43 peratus), Langat (65.33 peratus) dan Sungai Selangor (71.63 peratus).

7.81%

Stok air
Empangan Bukit
Kwong

15%

Catuan lepasan air
dari Empangan
Timah Tasoh

60%

Bacaan paras
air di empangan
Lembah Klang

EMPANGAN KWONG DITUTUP

Empat empangan lain hanya mampu tampung bekalan air bagi permintaan domestik untuk tempoh 30 hari

